

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YMT 302 - Komunikasi Antarabudaya

Masa: [3 jam]

---

Jawab EMPAT (4) soalan, SATU (1) dari Bahagian A dan TIGA (3) dari Bahagian B.

Bahagian A

Jawab SATU (1) soalan.

SAMA ADA

1. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep "hegemony", seperti yang dihujah oleh Antonio Gramsci? Dengan menggunakan contoh-contoh, nyatakan bagaimana timbulnya krisis "hegemony" dan bincangkan bagaimana budaya dominan cuba mengatasi krisis tersebut.

(40 markah)

ATAU

2. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep "imperialisme media"? Dengan menggunakan empat corak imperialisme media yang dihujahkan oleh Boyd-Barrett, nilaiakan kepentingan konsep ini untuk memahami peranan media dalam budaya.

(40 markah)

Bahagian B

Jawab TIGA (3) soalan.

3. Nilaikan pendapat bahawa ideologi adalah sesuatu yang bersifat mental.

(20 markah)

...2/-

4. Imperialisme budaya adalah satu khayalan. Bincangkan secara kritis pendapat ini.  
(20 markah)
5. Pergerakan budaya menentang ("counter-culture"), selepas Perang Dunia Kedua, bertentangan dengan budaya dominan, tetapi bukan dari segi kelas. Bincangkan pendapat ini dengan ulasan mengenai muncul dan berkembangnya pergerakan tersebut.  
(20 markah)
6. Banding dan bezakan di antara budaya menentang ("counter-culture") dan budaya sub ("subculture") dengan memberikan contoh-contoh yang nyata.  
(20 markah)
7. Hall berpendapat bahawa budaya popular bukanlah satu objek tetapi adalah arena pergelutan. Bincangkan pendapat tersebut dalam konteks muzik popular masa kini.  
(20 markah)
8. Dengan memberikan contoh-contoh yang spesifik, bincangkan bagaimana gaya ("style") dalam budaya sub ("subculture") melambangkan lafazan memberontak. Sejauh manakah berjayanya lafazan tersebut?  
(20 markah)

-ooooooo-